



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Teks Ucapan

YB Puan Lim Hui Ying

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat

**Majlis Menandatangani Memorandum of Agreement – MoA
(Memorandum Perjanjian) Antara Lembaga Kaunselor Malaysia
dengan Airasia Aviation Management Services Sdn. Bhd.**

9 Jun 2026 (Selasa) | AirAsia RedQ

[Salutation]

YBrs. Tuan Haji Sadli bin Osman,
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Kaunselor Malaysia,

Kapten Suresh Bangah,
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan
AirAsia Group,

Encik Benyamin Ismail,
Pengurus Besar,
AirAsia X Berhad,

Kapten Saravanan Subramaniam,
Ketua Pegawai Keselamatan dan Kualiti,
AirAsia X,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Kaunselor Malaysia dan AirAsia Aviation Management Services Sdn. Bhd. atas jalinan kerjasama strategik yang terus diperkukuh menerusi Memorandum Perjanjian (MoA) yang akan dimeterai pada hari ini.

Untuk makluman, saya difahamkan bahawa kerjasama ini telah bermula sejak 28 Januari 2016 dan majlis pada hari ini menandakan pelanjutan ketiga Memorandum Perjanjian (MoA) antara Lembaga Kaunselor Malaysia dan AirAsia Aviation Management Services Sdn. Bhd. Perkara ini jelas membuktikan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam memperkasa agenda kesejahteraan mental serta sokongan psikososial di negara kita.

Hadirin yang dihormati,

Majlis pada hari ini bukan sekadar mencerminkan jalinan kerjasama strategik antara sektor awam dan korporat, malah turut menzahirkan komitmen bersama dalam memperkukuh kesejahteraan mental masyarakat melalui pendekatan yang lebih menyeluruh, inklusif dan mampan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dalam memperkasa agenda kesihatan mental komuniti melalui pelbagai inisiatif yang bersifat holistik. Antaranya, pengukuhan perkhidmatan kaunseling komuniti, peluasan akses kepada sokongan psikososial khususnya bagi kumpulan sasar seperti wanita, kanak-kanak, warga emas dan keluarga berisiko, serta pelaksanaan program advokasi bagi meningkatkan tahap literasi kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, KPWKM turut mengambil langkah proaktif menerusi pelaksanaan kempen “Awak OK Tak?” yang bertujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan kesejahteraan emosi dan sosial melalui perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Saluran ini membolehkan individu mendapatkan pelbagai khidmat bantuan, termasuk kaunseling, konsultasi reproduktif dan bimbingan sosial.

Dalam konteks ini, Lembaga Kaunselor Malaysia memainkan peranan yang amat penting sebagai badan kawal selia profesion kaunseling negara dalam memastikan tahap profesionalisma, etika dan kualiti perkhidmatan kaunseling sentiasa terpelihara serta kekal relevan dengan keperluan semasa masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, impak sesuatu krisis bukan sahaja melibatkan aspek fizikal, malah turut memberi kesan yang mendalam terhadap emosi, psikologi dan kesejahteraan mental individu yang terlibat. Oleh itu, penyediaan perkhidmatan seperti *Psychological First Aid*, kaunseling krisis serta intervensi sokongan kepada mangsa, keluarga dan petugas barisan hadapan merupakan aspek yang amat penting dalam proses pemulihan dan pengurusan bencana.

Saya amat menghargai komitmen AirAsia dalam menyediakan sokongan logistik, latihan dan kerjasama operasi yang secara tidak langsung dapat memperkukuh keupayaan respon negara dalam situasi kecemasan. Inisiatif ini merupakan contoh terbaik sinergi antara kepakaran profesional dan keupayaan industri dalam menyampaikan manfaat yang lebih besar kepada masyarakat.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, usaha ini mencerminkan nilai ihsan, kesejahteraan dan tanggungjawab sosial dalam memastikan tiada individu yang tercicir atau terpinggir, khususnya dalam aspek kesihatan mental. Saya yakin kerjasama yang terjalin ini bukan sahaja memberi impak positif kepada organisasi yang terlibat, malah turut menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih berdaya tahan, prihatin dan sejahtera.

Indah perahu di lautan biru, Berlayar
tenang menuju muara; Kerjasama utuh
terus dipadu, Membina insan sejahtera
negara.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara Lembaga Kaunselor Malaysia dan AirAsia Aviation Management Services Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.